

# Boleh saya jawab kemudian?



Oleh **SUWARNI MOKHTAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak masih enggan menjawab persoalan mengenai sumber jutaan wang yang didepositkan ke dalam akaun bank atas namanya.

Sebaliknya, Najib hanya menyatakan akan menjawab soalan (mengenai sumber wang masuk) itu kelak.

Najib: *Can we deal with it later? Can I get back to you (on the matter)?* (Boleh kita uruskan kemudian? Boleh saya jawab kemudian?)

Chee Wee: Jadi, sama ada duit AS\$200 juta (RM827 juta) yang masuk dalam akaun datangnya dari SRC International atau Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), awak akan jawab kemudian? Termasuk wang-wang lain yang masuk?

Najib: Ya.

Semalam, bekas Presiden Umno itu juga dilihat enggan menjawab sumber datangnya wang AS\$70 juta (RM289 juta) yang masuk ke dalam akaunnya yang berakhir dengan nombor 694, kira-kira tiga bulan selepas dana pinjaman RM2 billion daripada KWAP diterima oleh SRC International.

Najib berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam Datuk Lim Chee Wee yang mewakili SRC International dalam kes saman ter-

hadap bekas Ahli Parlimen Pekan itu dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Nik Faisal Ariff Kamil dengan menuntut ganti rugi AS\$1.18 bilion (RM4.9 bilion)

Terdahulu, Najib menegaskan akaun 694 yang didaftarkan atas namanya bukanlah akaun peribadinya sebaliknya akaun CSR (tanggungjawab sosial korporat).

Chee Wee: Rujuk kepada akaun-akaun ini (akaun berakhir 694, 481 dan 906). Tiada mana-mana dalam penyata ini menyatakan wang (jutaan ringgit) yang masuk adalah CSR?

Najib: Tiada.

Chee Wee: Rujuk akaun 880 (akaun berakhir dengan nombor 880). Pada 26 Disember 2014, ada kemasukkan wang daripada Ihsan Perdana sebanyak RM27 juta dan RM5 juta, ada rujukan 'CSR Progress'.

Najib: Betul.

Pada 11 Mac lalu, Pengarah Urusan Quantuma International, Angela Barkhouse yang juga pakar pemulihan aset luar pesisir dalam keterangannya pada perbicaraan saman itu menyatakan akaun bank peribadi bekas perdana menteri itu di Ambank menerima wang menerusi tiga transaksi dari sebuah syarikat yang dikenali sebagai Blackstone Asia Real Estate Partners, dengan jumlah pertama AS\$70 juta pada 29 Disember 2011

dan AS\$50 juta (RM207 juta) lagi diterima menerusi dua transaksi, masing-masing pada 12 Mac 2012 dan 22 Mei 2012.

Terdahulu, Najib menyatakan beliau tidak mengawal dan mengawasi perjalanan operasi SRC International kerana itu merupakan tanggung jawab Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat terbabit.

"Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat adalah organ utama syarikat jadi apabila saya memutuskan (untuk sokong) SRC International pada peringkat makro, (dari) sudut pandangan makro. Saya mahu SRC International untuk berjaya mencapai matlamat mereka dalam mencari tenaga alternatif untuk negara.

"Saya tidak boleh menguruskan secara mikro bagaimana dana itu digunakan. Lembaga Pengarah dan pengurusan perlu membuat keputusan mengenai daya maju pelaburan, tiada PM di dunia akan melakukannya kerana itu adalah kerja teknokrat, bukan ahli politik," katanya.

Dalam tindakan saman itu, lima bekas pengarah syarikat itu turut dinamakan sebagai pihak ketiga. Sebelum ini, SRC menggugurkan lima individu berkenaan dalam saman itu dan hanya mengekalkan Najib dan Nik Faisal sebagai defendan.